

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 28/03/2020  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 23  
Tajuk : Koop Sahabat tawar hotel kepada frontliners

## Koop Sahabat tawar hotel kepada *frontliners*

**KUALA LUMPUR** – Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) menawarkan Hotel Carlton Shah Alam di Seksyen 13, Shah Alam sebagai Pusat Transit Sementara kepada *frontliners* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pengerusi Koop Sahabat, Mohd Najib Mohd Noor berkata, pihaknya terpenggil untuk menyatakan sokongan terhadap petugas-petugas KKM yang terlibat secara langsung dalam menangani coronavirus (Covid-19).

Katanya, perjuangan yang digalas oleh *frontliners* itu merupakan sebuah pengorbanan yang sangat murni dan merupakan wira bagi rakyat Malaysia.

“Sebagai menzahirkan penghargaan Koop Sahabat terhadap penat lelah mereka, Carlton Hotel Shah Alam yang menyediakan 80 bilik penginapan

ditawarkan secara percuma kepada petugas KKM sebagai memenuhi tanggungjawab sosial kami,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Selain itu, katanya, Koop Sahabat juga prihatin kepada seramai 223,000 ahlinya yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila perniagaan dan pendapatan mereka terjejas akibat tidak boleh beroperasi.

Berikut adalah beberapa inisiatif yang diberikan kepada ahli oleh Koop Sahabat yang merupakan sebahagian daripada Pakej Ransangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia berjumlah RM682.3 juta iaitu:

1. Penangguhan bayaran ansuran pembiayaan I-Lestari dan I-Usahawan Koop Sahabat selama 3 bulan yang melibatkan 400 peminjam berjumlah RM300,000 sebulan.
2. Penangguhan aktiviti Lelongan Sahabat Ar Rahn yang melibatkan 1,500 peminjam/pencagar berjumlah RM120,000 sehingga tamat tempoh PKP.
3. Pengagihan Zakat Perniagaan Koop Sahabat berjumlah RM646,000 melibatkan 2,584 orang ahli dalam kalangan asnaf yang layak khususnya yang amat terkesan dalam tempoh PKP ini.



MOHD NAJIB